

BAHASA MELAYU KOMUNIKASI

NAMA :
KELAS :

TARIKH :
HARI :

Kata Kerja

Kata kerja digunakan untuk menunjukkan sesuatu perbuatan.

Contoh:

Duduk

Lari

Makan

Mandi

Belajar

Menyapu

Tulis

Dengar

Menggunting

A. Pilih kata kerja yang sesuai dengan ayat-ayat yang diberikan.

ditebang	ditabur	melawat	mengemas	menghantar
menternak	diundang	mengenangkan	bersihkan	berlaukkan

1. Kami _____ tempat bersejarah untuk menambah pengetahuan dan pengalaman.
2. Raju _____ katilnya apabila bangun daripada tidur.
3. Lori kontena digunakan untuk _____ dan mengambil barang di pelabuhan.
4. Pokok _____ untuk tujuan pembangunan, pertanian dan juga pembalakkan.
5. Beberapa orang jiran telah _____ oleh Puan Rani untuk menghadiri kenduri di rumahnya pada petang nanti.


6. Aktiviti _____ lembu akan mendatangkan keuntungan yang lumayan jika diusahakan dengan bersungguh-sungguh.
7. Pak Din sanggup makan nasi _____ ikan kering sahaja untuk berjimat cermat.
8. Beberapa butir makanan ikan _____ oleh Sani ke dalam balang ikan itu.
9. Encik Mazlan berasa sedih _____ nasib malang yang menimpa keluarganya.
10. _____ gerai kamu setelah selesai aktiviti Hari Keusahawanan pada hari ini demi menjaga keceriaan sekolah.

B. Tandakan (/) ayat-ayat yang mengandungi kata kerja.

1.	Sang Kura-kura dan Sang Itik suka bermain di dalam kolam.	
2.	Sekolah baru Tarmizi terletak di bandar Johor Bahru.	
3.	Abang Fuad menanam pelbagai jenis sayur seperti kangkung, bayam, kacang panjang, cili dan sebagainya.	
4.	Kamarul mendapat keputusan yang cemerlang dalam ujian bulanan itu.	
5.	Farid bukan sahaja pintar malah dia juga baik hati.	
6.	Makmal komputer di sekolah Adam besar dan bersih.	
7.	Lipan adalah sejenis serangga yang berbisa.	
8.	Ayah memasang kipas semasa seisi keluarga menonton televisyen.	
9.	Jari digunakan untuk memegang pensel dan pen semasa menulis.	
10.	Omar suka berjalan-jalan dan menghirup udara segar jika tidak bersenam.	

11.	Rumah terbuka Aidilfitri itu meriah dengan para tetamu yang terdiri daripada pelbagai bangsa.	
12.	Murid-murid tekun mendengar penerangan yang diberikan oleh guru tentang aktiviti mereka.	
13.	Keadaan di stadium hiruk pikuk dengan suara penyokong yang menyokong pemain masing-masing.	
14.	Harga udang galah lebih mahal berbanding dengan harga lauk pauk yang lain.	
15.	Hujan lebat dan angin kencang menyebabkan pokok tumbang dan menghempap beberapa buah kereta.	
16.	Pengantin lelaki itu kelihatan segak berbaju songket dan bertengkolok.	
17.	Puan Suria memerah kelapa yang telah diparut untuk mendapatkan santannya.	
18.	Sofia membaca warkah yang dikirim oleh sahabat karibnya.	
19.	Di dalam perahu Pak Daud terdapat beberapa rawan jala.	
20.	Anjali amat mengagumi sikap bapanya yang penyayang dan bertanggungjawab.	

C. Bina ayat mudah berdasarkan gambar berikut.



1. petani - kebun sayur

Beberapa orang petani sedang menjalankan pelbagai aktiviti di kebun sayur.

2. petani - mencangkul

3. budak - menyiram

4. petani - memetik

5. petani - menabur

6. petani - mencabut
